

Home » Segera lulus geran digital PKS

NIAGA



Annuar (tengah) bergambar kenangan pada sesi lawatan rasmi ke MDEC semalam.

Segera lulus geran digital PKS

Oleh MUHAMMAD IKHWAN IDERIS 8 September 2021, 9:40 am



PETALING JAYA – Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) diminta supaya menyegerakan proses kelulusan geran dan bantuan pendigitalan buat peniaga tempatan di bawah Inisiatif Geran Pendigitalan Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata, lebih RM40 juta yang diperuntukkan menerusi inisiatif berkenaan, yang disediakan di bawah Bajet 2021 perlu diluluskan pada tahun ini.

"Saya tegaskan agar setiap permohonan mesti diproses dan keputusan diperolehi dalam tempoh tidak lebih daripada 60 hari," katanya menerusi ciapan di Twitter semalam.

Terdahulu, Annuar menghadiri sesi taklimat rasmi di MDEC Putrajaya.

POPULAR



Boikot beli ayam jika mahal
8 September 2021, 9:41 am



Segera lulus geran digital PKS
8 September 2021, 9:40 am



Usaha sama KWSP, Grab tingkatkan kesedaran menyimpan untuk persaraan
8 September 2021, 9:33 am



'Maafkan Mama sebab tak jaga Fayyadh'
8 September 2021, 9:32 am

Turut hadir adalah Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin dan Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Mahadzir Aziz.

Sesi berkenaan membincangkan inisiatif untuk mengintegrasikan negara dengan teknologi dan menyediakan peluang digital yang adil kepada rakyat, perniagaan serta pelabur.

Kerajaan menerusi Kementerian Kewangan bekerjasama dengan Bank Simpanan Nasional dan MDEC dalam menguruskan pemberian dana kepada PKS untuk mengamalkan langkah pendigitalan dalam operasi harian mereka.

Bagi mendorong lebih banyak perniagaan tempatan bergerak ke arah penggunaan teknologi digital, kerajaan menyediakan geran padanan 50 peratus sehingga RM5,000 buat syarikat yang layak bagi langganan perkhidmatan pendigitalan untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti.

Geran padanan bernilai RM500 juta untuk tempoh lima tahun itu terhad kepada 100,000 PKS pertama yang memohon.

Sementara itu, Mahadzir menerusi ciapannya berkata, lawatan ke MDEC semalam adalah amat signifikan dan menteri telah mengulangi supaya MDEC diposisikan sebagai agensi ekonomi digital utama untuk Malaysia dan rantau ASEAN.

"Belliau memberi aspirasi kepada kami untuk terus memperbaiki proses dalaman dan muncul sebagai sebuah agensi berprestasi tinggi," katanya.